

012 PENILAIAN PRESTASI LATIHAN ILMIAH PELAJAR KUIS: PERSPEKTIF MAJIKAN

**Nurkaliza Khalid, Rahmahtunnisah Sailin, Norziah Othman, Nor ‘Adha
Ab Hamid, Abdul Hadi Awang, Mohd Farok Mat Nor.**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.

nurkaliza@kuis.edu.my, rahmahtunnisah@kuis.edu.my, norziah@kuis.edu.my,
noradha@kuis.edu.my, abdulhadi@kuis.edu.my, mohdfarok@kuis.edu.my

ABSTRAK

Latihan industri adalah dianggap sebagai satu kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi majikan terhadap kemahiran kebolehpasaran yang dimiliki oleh 115 pelajar di tiga buah fakulti di KUIS iaitu Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM), Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) dan Akademi Islam (AI) yang telah menjalani latihan industri di beberapa organisasi. Soalselidik yang mengandungi 10 soalan berdasarkan kemahiran generik kebolehpasaran telah digunakan. Kajian yang bersifat kuantitatif ini mengaplikasikan kaedah persampelan secara bertujuan. Kajian ini mendedahkan tahap prestasi pelajar semasa latihan industri adalah memuaskan. Bagaimanapun, dua kemahiran utama yang memerlukan penambahbaikan oleh para pelajar adalah kemahiran pemikiran kritikal serta kebolehan bekerjasama dalam kumpulan. Keseluruhannya, kebolehpasaran pelajar KUIS mengikut perspektif majikan dianggap secara relatif adalah baik. Kajian ini memberi implikasi kepada pihak fakulti untuk menambahkan penekanan terhadap elemen kemahiran pemikiran kritikal serta kebolehan bekerjasama dalam kumpulan semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dijalankan untuk meningkatkan lagi kebolehpasaran pelajar KUIS di masa hadapan.

Kata Kunci – Latihan industri; kemahiran kebolehpasaran, pandangan, majikan.

PENGENALAN

Pandangan majikan terhadap pelajar yang mengikuti latihan industri adalah salah satu ukuran kebolehpasaran siswazah. Menurut Amla (2010) kerjaya adalah pengalaman bekerja yang mempunyai kaitan dengan pilihan gaya hidup yang mempengaruhi kesejahteraan diri, dan dengan itu pilihan kerjaya adalah satu perancangan penting dalam kehidupan seseorang. Sehubungan itu, perancangan kerjaya semasa belajar di pusat pengajian tinggi seharusnya seiringan dengan kursus yang diikuti.

Kebolehpasaran graduan dari pusat pengajian tinggi seringkali dikaitkan dengan kecenderungan bakal majikan mengutamakan graduan yang memiliki kemahiran insaniah (Shaharuddin et al. 2010; Saemah et al. 2011; Vos et al. 2011), di samping kemahiran dan kecekapan yang berkaitan tenaga kerja (Amla 2010, Ayiesah et al. 2010). Rancangan Malaysia ke-9 mengiktiraf gabungan pembangunan kemahiran dan kecekapan tenaga kerja dengan aspek pembangunan diri insan untuk menyediakan pasukan kerja yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.

DEFINISI KEMAHIRAN INSANIAH

Terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk merujuk kepada kemahiran insaniah seperti “key competencies”, “soft skills”, “key skills”, “core skills”, atau employability skills”. Pada asasnya, kemahiran generik atau kemahiran insaniah merujuk kepada satu kelompok kualiti peribadi, tabiat, sikap dan kebolehan sosial yang membuat seseorang pekerja yang baik dan rakan sekerja yang serasi (Yunos, Mohd, Ahmad, Kaprawi, & Razzaly, 2006).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklum balas majikan terhadap kemahiran insaniah para pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang mengikuti latihan industri di syarikat mereka. Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti komponen kemahiran insaniah yang menjadi pembeza efektif dalam menerangkan perbezaan antara pelajar dari pelbagai fakulti. Persoalan kajian yang dibina adalah:

- (1) Apakah komponen kemahiran insaniah yang telah dikuasai dan yang belum dikuasai oleh pelajar?
- (2) Adakah kemahiran insaniah pelajar berbeza di antara pelbagai fakulti yang terlibat?

SAMPEL DAN INSTRUMEN KAJIAN

Latihan praktikal adalah kaedah penting dalam menyediakan pilihan kerjaya untuk pelajar. Ia menyediakan pelajar dengan pengalaman pertama di persekitaran kerja yang realistik di samping memberikan mereka pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam industri pilihan mereka. Latihan industri di KUIS merupakan kursus wajib yang dijalani oleh setiap pelajar selama 12 minggu hingga 20 minggu pada tahun terakhir pengajian mereka. Di akhir latihan industri, prestasi pelajar akan dinilai oleh penyelia syarikat melalui satu set borang penilaian.

Pada tahun 2013, seramai 200 pelajar KUIS dari tiga fakulti yang berbeza iaitu Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat (FSTM), Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) serta Akademi Islam (AI) telah menjalani latihan industri di 115 syarikat. Kajian ini menganalisis borang penilaian yang diisi oleh penyelia syarikat pada tahun 2013. Sebanyak 115 borang penilaian berjaya dianalisis. Borang penilaian selebihnya tidak dapat dianalisis kerana hilang, rosak ataupun tidak jelas.

Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama adalah demografi majikan diikuti dengan bahagian kedua yang berkaitan dengan kemahiran insaniah. Bahagian kedua ini mengandungi item-item yang menerangkan penyesuaian pelajar kepada persekitaran kerja mereka, kualiti kerja, pengurusan masa, inisiatif, inovasi dan kreativiti, dedikasi kerja dan tanggungjawab, etika kerja dan penampilan, komunikasi, penglibatan diri dan kerja berpasukan. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, semua item dalam soal selidik yang dijawab oleh majikan dibina berdasarkan empat unsur-unsur sifat generik pelajar (GSA) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, pemikiran kritis dan pembelajaran sepanjang hayat.

Jadual 1 Unsur-Unsur Kemahiran Generik Pelajar (GSA)

Kemahiran Komunikasi	3 item	Komunikasi lisan dan bertulis Kualiti penglibatan dalam komu
Pemikiran Kritikal	3 item	Kebolehan menyelesaikan masalah Kemahiran belajar sendiri
Pembelajaran Sepanjang Ha	2 item	Ketepatan masa Kemahiran menguruskan maklun
Kebolehan kerja berpasukan	2 item	Toleransi dalam pasukan Kerjasama dalam menyelesaikan

Instrumen ini telah diuji dan nilai pekali kebolehpercayaan yang diperoleh adalah 0.892. Setiap item kemahiran insaniah memerlukan penyelia menilai skor pelajar dalam skala Likert satu hingga lima. Skala yang diberikan menggambarkan tahap prestasi pelajar dalam item yang diukur iaitu, 1=sangat lemah, 2=lemah, 3=memuaskan, 4=baik, 5=sangat baik.

Data yang dikumpul melalui borang penilaian penyelia syarikat dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan ujian Kruskal–Wallis. Analisis deskriptif dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar. Manakala ujian Kruskal–Wallis digunakan untuk membandingkan tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar latihan industri di antara ketiga-tiga fakulti yang terlibat. Hasil kajian ini telah berjaya mengenal pasti dan memenuhi objektif dan seterusnya mencapai matlamat kajian yang dikemukakan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penentuan tahap penguasaan kemahiran insaniah dalam kajian ini berdasarkan peraturan umum oleh Nugent, Sieppert & Hudsan (2001) yang menyatakan bahawa skor - skor ini boleh digunakan untuk menggambarkan satu magnitud yang bersifat kontinum. Skor yang tinggi menunjukkan magnitud yang besar, manakala skor yang rendah menunjukkan magnitud yang kecil. Dalam kajian ini, skor 4 hingga 5 menunjukkan tahap kemahiran yang tinggi, manakala skor 3 hingga 4 menunjukkan tahap yang sederhana.

Analisis statistik deskriptif iaitu min digunakan untuk menjawab persoalan kajian 1. Berdasarkan Jadual 2, analisis min setiap elemen kemahiran insaniah, menunjukkan min bagi elemen pembelajaran sepanjang hayat (min=4.72), kemahiran komunikasi (min=4.54),

pemikiran kritikal (min=4.34), dan kebolehan kerja berpasukan (min=4.20) didapati berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan pelajar mempunyai kemahiran insaniah yang baik.

Jadual 2 Analisis Statistik Deskriptif

Elemen Kemahiran	Min	Magnitud
ikiran Komunikasi	4.74	Tinggi
ikiran Kritikal	4.22	Tinggi
elajaran Sepanjang Hayat	4.65	Tinggi
ehan Kerja Berpasukan	4.32	Tinggi

Seterusnya, analisis setiap item kemahiran insaniah dilakukan untuk mengetahui secara terperinci item kemahiran insaniah yang berjaya dikuasai dan yang belum dikuasai oleh pelajar. Nilai min bagi item kemahiran insaniah yang mencapai skor yang tinggi adalah seperti berikut: kejujuran (min=4.82), penampilan dan etika (min=4.77), komunikasi, pergaulan dan kerjasama (min=4.66), dedikasi dan tanggungjawab (min=4.62), ketepatan masa (min=4.57), kualiti kerja (min=4.41), kepimpinan (min=4.33), daya kreativiti dan inovasi (min=4.26), pengetahuan mengenai tugas (min=4.22), dan inisiatif menjalankan tugas (min=4.18). Min yang tinggi ini menunjukkan bahawa pelajar mampu menerapkan kepelbagaian elemen kemahiran insaniah dalam kehidupan seharian.

Keputusan ujian Kruskal–Wallis berkaitan kemahiran komunikasi di kalangan pelajar dari pelbagai fakulti menunjukkan paras keertian $p = 0.000$, iaitu $p < 0.05$ dan adalah signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $\chi^2(2, N=155) = 35.518$, $p=0.000$ antara kemahiran komunikasi di kalangan kumpulan pelajar dari pelbagai fakulti.

Keputusan ujian Kruskal–Wallis berkaitan kemahiran pemikiran kritikal di kalangan pelajar dari pelbagai fakulti menunjukkan paras keertian $p = 0.961$, iaitu $p > 0.05$ dan adalah tidak signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan, $\chi^2(2, N=155) = 0.080$, $p=0.961$ antara kemahiran pemikiran kritikal di kalangan kumpulan pelajar dari pelbagai fakulti.

Keputusan ujian Kruskal–Wallis berkaitan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat di kalangan pelajar dari pelbagai fakulti menunjukkan paras keertian $p = 0.000$, iaitu $p < 0.05$ dan adalah signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $\chi^2(2,$

$N=155$) = 31.166, $p=0.000$ antara kemahiran pembelajaran sepanjang hayat di kalangan kumpulan pelajar dari pelbagai fakulti.

Keputusan ujian Kruskal–Wallis berkaitan kebolehan kerja berpasukan di kalangan pelajar dari pelbagai fakulti menunjukkan paras keertian $p = 0.049$, iaitu $p < 0.05$ dan adalah signifikan. Justeru itu, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, $\chi^2(2, N=155) = 36.012$, $p=0.049$ antara kebolehan kerja berpasukan di kalangan kumpulan pelajar dari pelbagai fakulti.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar latihan industri tahun 2013 adalah pada tahap tinggi. Menurut majikan, pelajar mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, bergaul dengan baik serta bekerjasama semasa menjalankan tugas yang diberikan. Pelajar turut berkemampuan dalam menjaga ketepatan masa, berdedikasi dan bertanggungjawab serta menjaga penampilan dan etika semasa berada di organisasi.

Namun begitu, kemahiran pemikiran kritikal seperti mempamerkan inisiatif yang tinggi serta menunjukkan tugas dengan daya kreativiti dan inovasi yang cemerlang masih perlukan penambahbaikan. Komen daripada majikan adalah pelajar kurang berkeyakinan untuk menyampaikan idea dan pandangan mereka sendiri dan pelajar kekurangan daya kreativiti sewaktu mempersembahkan maklumat berkaitan tugas dengan jelas kepada pihak majikan di tempat mereka menjalani latihan industri. Justeru kemahiran pemikiran kritikal serta kebolehan kerja berpasukan adalah elemen kemahiran insaniah yang perlu diberi lebih penekanan dalam reka bentuk kurikulum terutamanya oleh pihak fakulti di mana kajian ini dilaksanakan.

Beberapa rumusan dapatan kajian dapat dibuat seperti berikut:

- 1) Secara keseluruhan, tahap penguasaan kemahiran insaniah pelajar adalah pada tahap tinggi. Majikan berpendapat pelajar latihan industri mempunyai keupayaan tinggi dalam dua daripada elemen kemahiran generik yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi seperti kemahiran komunikasi dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat.
- 2) Item kemahiran insaniah yang masih kurang dikuasai oleh pelajar adalah kemahiran pemikiran kritikal serta kebolehan kerja berpasukan.
- 3) Pelajar dari fakulti yang berbeza mempunyai tahap penguasaan kemahiran insaniah yang berbeza.

KESIMPULAN

Pihak institusi, terutamanya tenaga pengajar perlu memahami dan menerapkan kemahiran insaniah yang menjadi keperluan dalam industri masa kini. Berdasarkan dapatan kajian, adalah digalakkan agar kemahiran pemikiran kritikal dan kebolehan kerja berpasukan dapat diberi penekanan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam kelas atau bilik kuliah melalui pelbagai latihan dan aktiviti sejak mula pelajar menjejakkan kaki ke institusi. Walaupun kemahiran pemikiran kritikal dan kebolehan kerja berpasukan adalah cuma kemahiran insaniah yang perlu diterap dalam proses P&P, namun perlaksanaan dan keberkesanannya hendaklah dipantau dan diberi perhatian sewajarnya.

Pelajar pula seharusnya mempunyai sikap yang positif terhadap kerja dan persekitaran, inovatif dan kreatif. Keupayaan untuk mengharungi cabaran dan mengambil risiko bagi mempamerkan daya kreativiti serta daya inovasi di samping kemahiran menyahut cabaran untuk bekerjasama dalam persekitaran kerja yang kondusif juga patut diterapkan kepada pelajar.

RUJUKAN

Amla Mohd Salleh 2010. Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ayiesah Ramli, Roslizawati Nawawi dan Chun, M.P.P.2010. Employees' perception of employability skills needed in todays workforce among physiotherapy graduates. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 7(C): 455-463

Nugent, W., J. Sieppert & W. Hudson. 2001. Practice Evaluation for the 21st Century. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole.

Saemah Rahman, Seri Bunian Mokhtar, Ruhizan Mohd Yasin dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Generic skills among technical students in Malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Science*, 15: 3713-3717

Shaharuddin Ahmad, Noriah Mohd Ishak, Khaidzir Ismail dan Jumali Selamat. 2010. Generic competency profile among students in institute of higher learning: A case of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. *College Student Journal*, 44(3): 811-820.

Vos, A.D., Hauw, S.D. dan Van der Heijden, B.I.J.M. 2011. Competency development and career success: The mediating role of employability. *Journal of Vocational Behavior*, 79: 438-447.

Yunos, J.M., Mohd, W. , Ahmad, R. W., Kaprawi, N. and Razzaly, W., Technical & vocational education & training (TVET) from Malaysian Perspective, presented at 2nd. International TV-TVET-Asia-Link Project Meeting, VEDC Malang, Indonesia 27th August – 2nd. September, 2006.